

### **3.8 Permohonan Pembatalan Perakuan Pendaftaran Kontraktor.**

Permohonon yang dibuat oleh syarikat untuk membatalkan Perakuan Pendaftaran Kontraktor yang masih sah pendaftaran. Syarat permohonan adalah seperti berikut:

- i. Permohonan untuk membatalkan Perakuan Pendaftaran kontraktor hanya boleh dipohon oleh pemilik / pengarah syarikat. Pemohon perlu mengemukakan surat permohonan daripada syarikat kepada CIDB. Bagi syarikat yang mempunyai lebih dari seorang pemilik / pengarah, kebenaran bertulis dari semua pemilik / pengarah adalah diperlukan. Perlu sertakan bersama dengan salinan kad pengenalan semua pengarah/pemilik syarikat.
- ii. Bebas dari sabitan tindakan tatatertib atau mahkamah semasa mengemukakan permohonan.
- iii. Tiada sebarang tunggakan bayaran samaada yuran, levi dan lain-lain bayaran yang belum dijelaskan.
- iv. Tiada sebarang transaksi permohonan yang masih belum diselesaikan didalam CIMS.
- v. Syarikat tidak dijadualkan untuk di audit CCA (Semakan Kepatuhan Kontraktor) oleh pihak CIDB
- vi. Jika syarikat memiliki Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) secara automatik sijil-sijil tersebut juga dibatalkan. Untuk gred G1 Bumiputera tiada permohonan baru untuk G1 SPKK dan STB. Sekiranya ingin mempunyai sijil SPKK dan STB syarikat perlu membuat permohonan baru gred G2 dan ke atas.

### **3.9 Pembatalan Perakuan Pendaftaran secara automatik**

Pendaftaran mana-mana kontraktor akan terbatal secara automatik:-

- i. Apabila pendaftarannya dengan Pendaftar Perniagaan telah tamat, atau berubah.
- ii. Apabila seorang kontraktor yang menjalankan operasi secara milik tunggal (nama syarikat dan nama pemilik adalah sama) meninggal dunia.
- iii. Sekiranya PPK terbatal secara automatik, jika syarikat memiliki Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) secara automatik sijil-sijil tersebut juga dibatalkan. Untuk gred G1 tiada permohonan baru untuk G1 SPKK dan STB. Sekiranya ingin mempunyai sijil SPKK dan STB syarikat perlu membuat permohonan baru gred G2 dan ke atas.

### **3.10 Permohonan Pertukaran Jenis Syarikat**

Permohonon yang dibuat oleh syarikat untuk membatalkan Perakuan Pendaftaran Kontraktor yang masih sah / telah luput pendaftaran dan membuat permohonan baru atas nama syarikat dan entiti baru dimana ingin mengekalkan maklumat pendaftaran syarikat lama di dalam pendaftaran syarikat baru (gred/ kategori/ pengkhususan/ SPKK/ STB). Syarat permohonan adalah seperti berikut:

- i. Permohonan untuk membatalkan Perakuan Pendaftaran kontraktor (syarikat lama) hanya boleh dipohon oleh pemilik / pengarah syarikat. Pemohon perlu mengemukakan surat permohonan daripada syarikat kepada CIDB. Bagi syarikat yang mempunyai lebih dari seorang pemilik / pengarah, kebenaran bertulis dari semua pemilik / pengarah adalah diperlukan. Perlu sertakan bersama dengan salinan kad pengenalan semua pengarah/pemilik syarikat.
- ii. Bebas dari sabitan tindakan tatatertib atau mahkamah semasa mengemukakan permohonan serta tidak mempunyai hutang levi.
- iii. Sekiranya syarikat (syarikat lama yang telah dibatalkan pendaftaran atas permintaan) memiliki Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) secara automatik sijil-sijil tersebut juga dibatalkan.
- iv. Semua maklumat pendaftaran syarikat lama akan dipindahkan ke dalam syarikat baru(kecuali pengkhususan berkaitan pendaftaran agensi tidak dibawa bersama) dengan syarat, pemilik asal syarikat lama mestilah memegang majoriti modal didalam syarikat yang baru didaftarkan.